

MAHATHIR - KAMPUCHEA  
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 28 APRIL (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK BOLEH MENERIMA NIAT AUSTRALIA UNTUK MENYAMBUNG SEMULA BANTUAN EKONOMI KEPADA VIETNAM KERANA IA BERPENDAPAT TINDAKAN TERSEBUT SEOLAH-OLAH ME-NYOKONG PENDUDUKAN VIETNAM DI KAMPUCHEA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

'TINDAKAN SEPERTI ITU JUGA AKAN MELEMAHKAN PENDIRIAN ASEAN MENGENAI ISU KAMPUCHEA.' KATA PERDANA MENTERI ITU KEPADA PARA PEMBERITA SETELAH MENGHADIRI TAKLIMAT SELAMA TIGA JAM DI IBU PEJABAT POLIS DI BUKIT AMAN DI SINI.

BELIAU BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU PERKARA ITU KEPADA MENTERI LUAR AUSTRALIA ENCIK BILL HAYDEN YANG MENGUNJUNGI BELIAU HARI INI UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN MALAYSIA MENGENAI CADANGAN AUSTRALIA UNTUK MENYAMBUNG SEMULA BANTUAN EKONOMI KEPADA VIETNAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN KEPADA ENCIK HAYDEN BAHAWA USAHA-USAHA AUSTRALIA UNTUK MEMBANTU Mencari penyelesaian politik kepada masalah KAMPUCHEA TIDAK HARUS BERDASARKAN SENTIMEN YANG TIMBUL DARI TANGGUNGJAWABNYA DI MASA-MASA LAMPAU TERHADAP VIETNAM. -- LAGI 2217/MB

ZCZC 8731

MAHATHIR - KAMPUCHEA 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU BERKATA PENYELESAIAN BAGI MASALAH KAMPUCHEA HARUS BERDASARKAN PERKEMBANGAN SEKARANG.

TAMBAHNYA, SEKIRANYA ADA PIHAK YANG BERASA 'BERSALAH' MENGENAI PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI KAUM YAHUDI, MEREKA TIDAK HARUS MENEBUS KESALAHAN TERSEBUT DENGAN MERAMPAS TANAH-TANAH ARAB DAN MENYERAHKAN-NYA KEPADA RAKYAT YAHUDI.'

PERDANA MENTERI JUGA MENAFIKAN LAPORAN-LAPORAN DALAM FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW KELUARAN 14 APRIL BAHAWA KONTRAK UNTUK PEMBINAAN GRID GAS DI SABAH TELAH DIBERIKAN KEPADA PROMET KERANA BELIAU DIDAKWA MEMPUNYAI PERHUBUNGAN ERAT DENGAN SYARIKAT ITU.

BELIAU BERKATA 'SAYA KENAL DENGAN SEMUA PARA PENIAGA DI NEGERA INI DAN MEREKA SEMUA ADALAH RAKAN SAYA, TETAPI SEKIRANYA SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA MEMENANGI KONTRAK ITU, ANDA TIDAK BOLEH MENGATAKAN IA MEMPEROLEHINYA KERANA IA SAHABAT SAYA.'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SINDIRAN KONONNYA KONTRAK ITU DIBERIKAN KEPADA 'RAKANNYA' MUNGKIN TIMBUL AKIBAT RASA TIDAK SENANG HATI MELIHAT MALAYSIA BERJAYA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI DENGAN BAIK. -- LAGI 2225/MB

ZCZC 8732

MAHATHIR - KAMPUCHEA 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU MENSIFATKAN TUDUHAN ITU SEBAGAI BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN MALAYSIA.

MENGENAI TAKLIMAT ITU, PERDANA MENTERI MENSIFATKANNYA SEBAGAI 'PERKARA BIASA' DI MANA BELIAU DIBERI TAKLIMAT MENGENAI KEADAAN KESELAMATAN DI DALAM NEGERI.

BELIAU BERKATA TAKLIMAT ITU JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMBERITAHUNYA MENGENAI KEDUDUKAN BELANJAWAN DAN KEPERLUAN-KEPERLUAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI. -- BERNAMA 2227/MB